

Bil. S 10

**AKTA BARANG-BARANG PURBAKALA DAN HARTA TERPENDAM  
(PENGGAL 31)**

**PERINTAH BARANG-BARANG PURBAKALA DAN HARTA TERPENDAM  
(MONUMEN PURBA DAN TAPAK BERSEJARAH), 2007**

**SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN**

**Perenggan**

1. Gelaran.
2. Penyiaran jadual monumen purba dan tapak bersejarah.

**JADUAL**

---

**AKTA BARANG-BARANG PURBAKALA DAN HARTA TERPENDAM  
(PENGAL 31)**

**PERINTAH BARANG-BARANG PURBAKALA DAN HARTA TERPENDAM  
(MONUMEN PURBA DAN TAPAK BERSEJARAH), 2007**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 17(2) dari Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam, maka Pengarah Muzium-Muzium, atas titah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat, dengan ini menyiarkan Perintah yang berikut —

**Gelaran.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam (Monumen Purba dan Tapak Bersejarah), 2007.

**Penyiaran jadual monumen purba dan tapak bersejarah.**

2. Monumen-monumen dan tapak-tapak yang disiarkan dalam Jadual telah diisytiharkan dengan perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat sebagai monumen purba dan tapak bersejarah.

**JADUAL**

Makam Sultan Sharif Ali (1425 - 1432), Kota Batu

Makam Sultan Bolkuah (1485 - 1524), Kota Batu

Makam Sultan Husin Kamaluddin (1710 - 1730) dan (1737 - 1740), Luba

Makam Sultan Omar Ali Saifuddin I (1740 - 1778), Makam Besar, Makam Diraja

Makam Sultan Muhammad Tajuddin (1778 - 1804, 1804 - 1807), Makam Damit,  
Makam Diraja

Makam Sultan Muhammad Kanzul Alam (1807 - 1826), Makam Damit, Makam  
Diraja

Makam Sultan Muhammad Jamalul Alam I (1804), Makam Damit, Makam Diraja

Makam Sultan Omar Ali Saifuddin II (1828 - 1852), Makam Damit, Makam Diraja

Makam Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (1885 - 1906), Kubah Makam  
Diraja

Makam Sultan Muhammad Jamalul Alam II (1906 - 1924), Kubah Makam Diraja

Makam Sultan Ahmad Tajuddin (1924 - 1950), Kubah Makam Diraja

Makam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin III (1950 - 1967), Kubah Makam Diraja.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 17 haribulan Februari, 2007.

AWANG BANTONG BIN ANTARAN  
Pemangku Pengarah Muzium-Muzium.